

# Kerajaan kaji akta khas urus kawasan bencana

*B.M. 21/12/68 M.*  
**P**ADANG RENGAS: Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menggubal undang-undang khas yang membolehkan kerajaan pusat mengisytihar sesuatu kawasan bencana sebagai kawasan darurat, sekaligus mengambil alih sepenuhnya tugas mengawal, menyelamatkan serta menghulurkan bantuan kepada mangsa dan tempat kejadian.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz, berkata kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa, Hulu Klang yang memusnahkan 14 banglo dan meragut empat nyawa, baru-baru ini, 'membuka mata' Kerajaan Pusat apabila berlaku ketidakseragaman dan kekeliruan dalam tindakan serta kenyataan dibuat oleh kerajaan persekutuan dan negeri.

Beliau memberi contoh kenyataan berbeza dibuat oleh Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berhubung beberapa perkara yang berpunca daripada kekeliruan yang wujud akibat rangkaian arahan berbeza antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri.

"Adalah mudah kepada kerajaan Pusat untuk datang dan mengambil alih tugas di tempat kejadian sekiranya kerajaan negeri juga ditadbir oleh parti sama," katanya.